

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN UKUR BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN UNTUK PENGELUARAN HAKMILIK STRATA

Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Bil. 3/2006





Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 3 TAHUN 2006**

**PERATURAN DAN GARIS PANDUAN UKUR
BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN UNTUK
PENGELUARAN HAKMILIK STRATA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyusun, menyeragam serta menambah baik Peraturan Ukur dan Garis Panduan Pecah Bahagi Bangunan menggantikan semua Pekeliling dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) yang telah dikeluarkan terdahulu.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) sejak diwartakan telah beberapa kali dibuat pindaan untuk disesuaikan dengan isu-isu semasa. Sehubungan dengan itu, bagi isu-isu yang melibatkan pindaan dan perubahan kepada peraturan ukur dan prosedur pecah bahagi bangunan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) akan mengeluarkan Pekeliling KPUP bagi menerangkan prosedur dan garis panduan yang baru bagi memperjelas isu-isu yang berkaitan.

2.2 Selain Pekeliling KPUP, Surat Pekeliling KPUP akan dikeluarkan untuk memperjelaskan sesuatu Pekeliling KPUP yang terdapat kesamaran.

- 2.3 Bagi isu-isu berkaitan peraturan ukur dan prosedur pecah bahagi bangunan, setakat ini terdapat enam belas (16) Pekeliling KPUP dan dua (2) Surat Pekeliling KPUP yang masih dikuatkuasakan. Keadaan ini telah membebankan pengguna kerana perlu mengambil masa yang agak panjang bagi merujuk dan meneliti semua Pekeliling KPUP dan Surat Pekeliling KPUP berkenaan.
- 2.4 Oleh yang demikian, adalah perlu satu peraturan baru yang lengkap dan seragam disediakan yang merangkumi peraturan ukur dan prosedur pecah bahagi bangunan bagi tujuan pengeluaran hakmilik strata untuk diguna pakai oleh JUPEM Negeri dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB).
- 2.5 Terdapat beberapa perubahan ketara iaitu sijil seperti di **Lampiran A6** bagi menggantikan tandatangan di setiap pelan strata dan Jadual Strata yang seragam telah diwujudkan bagi menggantikan Jadual A,B,C dan D sebelum ini.

3.0 PERATURAN UKUR PECAH BAHAGI BANGUNAN – LAMPIRAN ‘A’

Peraturan ini menerangkan prosedur-prosedur bagi menjalankan ukur pecah bahagi bangunan mengenai –

- (i) Jenis pengukuran yang perlu dijalankan;
- (ii) Cara menomborkan bangunan, blok sementara, tingkat, petak dan petak aksesori;
- (iii) Penyediaan pelan strata (pelan lokasi dan pelan tingkat); dan
- (iv) Penyediaan pelan akui strata.

4.0 GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN UKURAN PECAH BAHAGI BANGUNAN – LAMPIRAN ‘B’

4.1 Garis panduan ini menjelaskan tatacara –

- (i) Mengukur semula sempadan-sempadan lot;
- (ii) Menentukan kedudukan bangunan-bangunan dan blok-blok sementara;
- (iii) Menentukan ketinggian tiap-tiap tingkat;

- (iv) Menentukan dimensi mendatar petak, petak aksesori dan harta bersama; dan
- (v) Menentukan kedudukan petak dalam lantai yang sama.

4.2 Garis panduan ini juga menjelaskan tatacara penyediaan –

- (i) Pelan strata; dan
- (ii) Pelan akui strata.

5.0 TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh **01 November 2006**. Walau bagaimanapun, semua permohonan strata yang telah diterima sebelum tarikh berkuatkuasa tidak tertakluk kepada Pekeliling ini.

6.0 PEMBATALAN

Pekeliling-pekelling KPUP Bil. 4/1986, Bil. 5/1989, Bil. 2/1991, Bil. 3/1991, Bil. 2/1992, Bil. 1/1993, Bil. 3/1994, Bil. 1/1995, Bil. 5/1996, Bil. 2/1998, Bil. 1/1999, Bil. 2/1999, Bil. 2/2001, Bil. 3/2001 dan Bil. 4/2004 serta Surat-surat Pekeliling KPUP Bil. 2/2003 dan Bil. 3/2003 adalah dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Agihan Dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Agihan Luaran:

Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

PERATURAN UKUR PECAH BAHAGI BANGUNAN

1. AM

Sebelum mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) atau Juruukur Tanah Berlesen (JTB) memastikan bahawa tidak berlaku sebarang percanggahan di antara pelan strata yang disediakan dengan pelan yang terkandung di dalam dokumen perjanjian jual-beli antara pemaju atau *vendor* dengan pembeli atau pemilik petak.

2. DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN

Semasa mengemukakan permohonan strata kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD)/Pengarah Tanah dan Galian (PTG), JTB dikehendaki mengemukakan salinan permohonan tersebut **serentak** kepada PUPN dengan menggunakan **Lampiran A1**. Ini bagi membolehkan JUPEM Negeri menjalankan semakan awal terlebih dahulu berdasarkan kepada dokumen salinan tanpa perlu menunggu permohonan asal daripada PTD/PTG. Dokumen-dokumen salinan yang diperlukan –

- (i) Borang 1 (AHS 1985) beserta jadual senarai petak dan petak aksesori;
- (ii) Pelan strata;
- (iii) Pelan bangunan yang diluluskan;
- (iv) Sijil perakuan arkitek atau jurutera profesional yang berdaftar;
- (v) Hakmilik kekal atau bagi hakmilik sementara disertakan juga Pelan Akui (PA) atau nombor PA;
- (vi) Permit ruang udara atau surat permohonan permit ruang udara (jika berkaitan);
- (vii) Borang LJT 12;
- (viii) Sijil Akuan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) tanda penerimaan bayaran upah ukur;
- (ix) Buku kerjaluar atau data kerjaluar berdigit mengikut format JUPEM ASCII;
- (x) Kiraan unit syer bagi petak dan petak aksesori; dan
- (xi) Surat perjanjian jual beli (jika perlu).

3. TINDAKAN PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI (PUPN) SELEPAS MENERIMA PERMOHONAN STRATA DARI PENTADBIR TANAH DAERAH /PENGARAH TANAH DAN GALIAN

3.1 Penerimaan Permohonan Strata.

Sebaik sahaja menerima permohonan strata, PUPN hendaklah :

- (i) menyebabkan satu fail bagi permohonan strata tersebut dibuka; dan
- (ii) menyebabkan pelan strata disemak serta menjalankan apa-apa kerja ukur sekiranya perlu;

3.2 Proses Semakan Permohonan.

3.2.1 Am.

Proses pemeriksaan ke atas kerja JTB dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut :

- (i) Semua kerja ukur yang telah dilaksanakan mematuhi kehendak Akta Hakmilik Strata 1985, Peraturan-peraturan JTB dan Peraturan-peraturan JUPEM.
- (ii) Dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah maklumat yang betul bagi ukuran yang telah dibuat di lapangan.
- (iii) Kerja yang dijalankan telah disemak sepenuhnya oleh JTB berkenaan sebelum dihantar ke JUPEM Negeri untuk kelulusan PUPN.
- (iv) Salah-betul kerja yang dikemukakan adalah menjadi tanggungjawab JTB berkenaan.

3.2.2 Semakan Awal.

- (i) Semakan awal ke atas salinan dokumen hendaklah dibuat bagi memastikan beberapa syarat utama dipatuhi sebelum permohonan asal diterima. Perkara-perkara seperti di **Lampiran A2** hendaklah disemak dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen.
- (ii) PUPN hendaklah memaklumkan kepada LJT dan salinan kepada JTB berkenaan sama ada permohonan tersebut boleh diterima untuk disemak lanjut atau tidak dalam tempoh tersebut dengan mengemukakan borang di **Lampiran A3**.

3.2.3 Semakan Lanjut.

- (i) Dokumen yang didapati teratur semasa semakan awal hendaklah terus dibuat semakan lanjut. Semakan ini dijalankan secara menyeluruh berdasarkan kepada dokumen salinan atau dokumen asal (setelah diterima daripada PTD/PTG). Perkara-perkara yang perlu disemak adalah seperti di **Lampiran A4**.
- (ii) Sekiranya terdapat kesilapan, dokumen permohonan akan dikembalikan dengan segera kepada JTB berkenaan untuk tindakan pembetulan.

3.2.4 Nasihat Kepada PTD/PTG.

PUPN hendaklah menasihatkan PTD/PTG mengenai permohonan itu sama ada teratur atau tidak setelah menerima permohonan asal dan memberitahu jumlah bayaran upah ukur yang perlu dipungut. Contoh surat tersebut seperti di **Lampiran A5** di mana setiap pelan strata tidak perlu ditandatangani dan hanya memadai dengan memasukkan sijil seperti di **Lampiran A6**. Salinan surat tersebut hendaklah diedarkan kepada JTB dan pemaju berkenaan untuk makluman.

3.2.5 Tempoh Semakan.

Tempoh semakan permohonan strata Peringkat I yang meliputi semakan awal dan semakan lanjut hendaklah tidak melebihi **55 hari** dari tarikh dokumen asal yang lengkap dan teratur diterima. Manakala carta aliran proses permohonan strata adalah seperti di **Lampiran A7**.

4. TINDAKAN SELEPAS PERMOHONAN STRATA DILULUSKAN OLEH PENTADBIR TANAH DAERAH/PENGARAH TANAH DAN GALIAN

4.1 Setelah menerima permohonan yang telah diluluskan beserta dokumen-dokumen yang berkaitan daripada PTD/PTG, PUPN hendaklah :

- (i) menyebabkan PA strata disediakan (disediakan oleh JTB berkaitan jika kerja tersebut diserahkan kepada JTB); dan
- (ii) mengeluarkan nombor Pelan Akui Strata dan skim strata.

4.2 Hanya satu nombor fail rujukan jabatan hendaklah digunakan bagi setiap skim strata tetapi dalam kes pecahan mana-mana petak atau penyatuan dua atau lebih petak yang berdampingan, nombor fail rujukan yang baru boleh digunakan.

4.3 Sebaik sahaja PA strata diluluskan, PUPN hendaklah :

- (i) membuat catatan ke dalam daftar-daftar yang berkaitan;
- (ii) menyediakan satu salinan PA strata yang telah diluluskan untuk simpanan Pendaftar; dan
- (iii) menyediakan bagi setiap petak satu salinan PA strata yang berkaitan yang telah diluluskan untuk dikepilkan pada dokumen hakmilik keluaran;

4.4 Tatacara Prosesan Selepas Permohonan Strata Diluluskan.

4.4.1 Penghantaran Kerja.

JTB dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang siap kepada PUPN dalam tempoh **45 hari** selepas permohonan strata berkaitan diluluskan oleh PTD/PTG. JTB juga dikehendaki membuat permohonan temu janji bagi penghantaran dokumen-dokumen dan borang serahan seperti di **Lampiran A8**. JUPEM Negeri hendaklah memastikan dokumen-dokumen seperti berikut disertakan : -

- (i) Surat kelulusan PTD/PTG
- (ii) Pelan Akui Strata
- (iii) Buku kerjalar atau data kerjalar berdigit mengikut format JUPEM ASCII
- (iv) Borang LJT 12 (jika ada perubahan)
- (v) Sijil Akuan LJT (jika ada perubahan)
- (vi) Salinan hakmilik kekal (jika belum dikemukakan)
- (vii) Pelan Akui, Jilid Kiraan dan semua data berdigit bagi ukuran semula lot
- (viii) Borang LJT 3.

4.4.2 Semakan Awal.

4.4.2.1 Semakan awal ke atas Pelan Akui Strata serta dokumen-dokumen berkaitan hendaklah diselesaikan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh dokumen diterima. JUPEM Negeri hendaklah menjalankan semakan awal seperti senarai semakan di **Lampiran A9**.

4.4.2.2 Sekiranya dokumen yang disemak teratur, PUPN hendaklah menandatangani Borang LJT 3 dan mengedarkan kepada LJT dalam tempoh tersebut dan proses semakan diteruskan dengan semakan lanjut.

4.4.2.3 Bagi dokumen yang tidak teratur akan dikembalikan kepada JTB tanpa menandatangani Borang LJT 3 dan pada masa yang sama LJT dimaklumkan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A10**.

4.4.3 Semakan Lanjut.

4.4.3.1 Bagi kerja yang mematuhi para 4.4.2.2, semakan secara menyeluruh hendaklah dibuat sebelum Pelan Akui Strata diluluskan dan seterusnya dokumen hakmilik strata disediakan. Senarai semakan adalah seperti di **Lampiran A11**.

4.4.3.2 Bagi kerja yang tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan hendaklah dikembalikan kepada JTB untuk tindakan pembetulan. JTB berkenaan dikehendaki mengembalikan semula kerja yang telah dibuat pembetulan dalam tempoh **14 hari**.

4.4.4 Tempoh Semakan.

Tempoh semakan permohonan strata Peringkat II yang meliputi semakan awal, semakan lanjut dan penghantaran dokumen hakmilik strata kepada PTG hendaklah tidak melebihi **80 hari** dari tarikh permohonan strata diluluskan oleh PTG. Manakala carta aliran prosesan selepas permohonan strata diluluskan sehingga penghantaran dokumen hakmilik strata adalah seperti di **Lampiran A12**.

5. PERMOHONAN PENGELUARAN HAKMILIK STRATA BAGI BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA SETELAH SIAPNYA BANGUNAN

5.1 Permohonan strata bagi blok/blok-blok sementara yang telah siap dibina (skim sama) kepada PTD/PTG hendaklah juga mengemukakan salinan-salinan dokumen seperti berikut untuk semakan awal JUPEM Negeri terlebih dahulu sementara menerima salinan asal daripada PTD/PTG.

- (i) salinan Borang 5 [sek. 20, AHS 1985];
- (ii) salinan pelan bangunan dan mana-mana ubahsuai yang diluluskan dengan mematuhi peruntukan seksyen 21, AHS 1985;
- (iii) sijil perakuan arkitek atau jurutera profesional yang berdaftar yang mengesahkan blok/blok-blok sementara berkaitan yang telah siap pembinaannya mengikut pelan bangunan dan mana-mana pindaan yang diluluskan;
- (iv) pelan cadangan strata yang diperakukan oleh JTB [sek. 20(2)(ca) & (cb), AHS 1985];
- (v) permit ruang udara atau surat permohonan permit ruang udara [sek. 75, KTN 1965], jika ada [sek. 20(2)(ca), AHS 1985];
- (vi) borang LJT 12;
- (vii) sijil akuan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) tanda penerimaan bayaran upah ukur;
- (viii) salinan buku kerjalar atau data kerjalar berdigit mengikut format JUPEM ASCII ;
- (ix) kiraan unit syer petak dan petak aksesori; dan
- (x) salinan dokumen hakmilik strata sementara keluaran bagi blok atau blok-blok sementara berkaitan [Borang 4A].

5.2 Sebaik sahaja menerima salinan permohonan strata daripada JTB, PUPN hendaklah :

- (i) menyemak pelan strata (pelan lokasi dan pelan tingkat) bagi blok atau blok-blok sementara yang berkaitan serta menjalankan kerja-kerja ukur (jika perlu); dan
- (ii) membuka fail ukur baru dengan mengekalkan nombor skim asal.

5.3 Proses semakan yang dijalankan dalam dua peringkat seperti berikut :

- (i) semakan Peringkat I hendaklah merujuk kepada para 3.2; dan
- (ii) semakan Peringkat II hendaklah merujuk kepada para 4.4.

6. TINDAKAN SELEPAS KELULUSAN PECAH BAHAGI BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA YANG SIAP DIBINA

6.1 Setelah menerima permohonan yang diluluskan beserta dokumen-dokumen berkaitan daripada PTG, PUPN hendaklah :

- (i) menyebabkan PA strata disediakan (disediakan oleh JTB berkaitan jika kerja tersebut diserahkan kepada JTB). PA strata bagi bangunan yang dahulunya blok sementara yang telah disiapkan hendaklah mengandungi pelan tapakbina, pelan keratan tegak setiap bangunan dan blok/blok-blok sementara (jika ada), pelan lantai, Jadual Strata dan lain-lain maklumat (jika perlu); dan
- (ii) nombor skim strata sedia ada (asal) hendaklah digunakan.

6.2 Sebaik sahaja PA strata diluluskan PUPN hendaklah :

- (i) membuat catatan ke dalam daftar-daftar yang berkaitan;
- (ii) kemaskini maklumat nombor PA strata pada PA strata asal/lama dengan warna merah;
- (iii) menyediakan satu salinan PA strata yang telah diluluskan untuk simpanan Pendaftar; dan
- (iv) menyediakan bagi setiap petak satu salinan PA strata yang berkaitan yang telah diluluskan untuk dikepilkan pada dokumen hakmilik keluaran.

7. PERMOHONAN STRATA BAGI PECAH BAHAGI PETAK DAN / ATAU PENYATUAN PETAK

7.1 Apa-apa permohonan yang dirujuk kepada PUPN di bawah seksyen 28(2)(b) AHS 1985, hendaklah disertakan dengan dua salinan pelan tingkat yang dicadangkan yang menunjukkan butir-butir pecahan dan / atau penyatuan petak.

7.2 Sebaik sahaja permohonan di bawah para 7.1 diterima, PUPN hendaklah mengambil tindakan seperti di para 3.1 dan 3.2.

8. TINDAKAN SELEPAS KELULUSAN PERMOHONAN PECAH BAHAGI PETAK ATAU PENYATUAN PETAK

8.1 Sebaik sahaja permohonan untuk pecah bahagi petak atau penyatuan petak yang diluluskan diterima, PUPN hendaklah menyebabkan PA strata disediakan –

- (i) bagi tingkat yang terlibat dengan pecah bahagi atau penyatuan perlu dilukis; dan
- (ii) bagi lain-lain tingkat yang ditunjukkan di atas PA strata yang asal petak yang terlibat dengan pecah bahagi atau penyatuan (jika ada).

8.2 Sebaik sahaja PA strata diluluskan, PUPN hendaklah :

- (i) mengemaskinikan daftar-daftar yang berkaitan;
- (ii) mengemaskinikan maklumat nombor PA strata pada PA strata asal/lama dengan warna merah;
- (iii) menyediakan satu salinan PA strata untuk simpanan Pendaftar menggantikan PA strata yang asal; dan
- (iv) menyediakan satu salinan PA strata bagi tiap-tiap petak yang terlibat dengan pecah bahagi atau penyatuan untuk dikepilkan pada dokumen hakmilik keluaran.

9. PENGEMUKAAN BUKU KERJALUAR OLEH JURUUKUR TANAH BERLESEN

9.1 Di mana ukuran untuk penyediaan PA strata yang dicadangkan dikendalikan oleh JTB, maka JTB berkaitan hendaklah mengemukakan buku kerjalar atau salinan buku kerjalar yang bersesuaian kepada PUPN sebaik sahaja

permohonan di bawah para 2, 4 dan 6 dikemukakan ke PTD/PTG.

9.2 Jika ukuran yang dibuat menggunakan buku kerjalar elektronik (BKE) semua hasil cerapan hendaklah melalui media storan yang dibenarkan Jabatan dan penyerahan data-data hendaklah dibuat mengikut format JUPEM ASCII yang ditetapkan oleh Jabatan.

10. PECAH BAHAGI BANGUNAN YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)

10.1 Jika sekiranya pemilik tanah berhasrat ukuran pecah bahagi bangunan dikendalikan oleh JUPEM maka permohonan rasmi hendaklah dikemukakan kepada PUPN berkenaan beserta dengan:

- (i) bayaran ukur;
- (ii) dua salinan Borang 1 (AHS 1985) beserta jadual senarai petak dan petak aksesori;
- (iii) dua salinan pelan bangunan yang diluluskan;
- (iv) dua salinan sijil perakuan arkitek atau jurutera profesional yang berdaftar;
- (v) dua salinan hakmilik kekal atau bagi hakmilik sementara disertakan juga salinan dan nombor pelan akui (PA);
- (vi) dua salinan permit ruang udara atau surat permohonan permit ruang udara (jika berkaitan);
- (vii) dua salinan surat kebenaran dari tiap-tiap orang yang mempunyai kepentingan ke atas hartanah yang berkenaan; dan
- (viii) salinan perjanjian jual beli (jika perlu).

10.2 Dalam kes permohonan untuk pecahan petak dan penyatuan petak-petak, pelan yang menunjukkan butir-butir pecahan dan / atau penyatuan petak-petak tersebut adalah mencukupi.

11. KAEDAH PENOMBORAN STRATA

11.1 Kaedah Menomborkan Bangunan Dan Blok Sementara.

11.1.1 Tiap-tiap bangunan dalam sesuatu skim strata hendaklah diperuntukkan nombor mengikut siri dengan huruf awalan "M".

- 11.1.2 Tiap-tiap blok sementara hendaklah diperuntukkan dengan nombor mengikut siri dalam sesuatu skim strata dengan huruf awalan “**P**”.
- 11.1.3 Penomboran blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah disambung daripada skim asal (skim strata yang mana hakmilik strata sementara telah dikeluarkan).
- 11.1.4 Sekiranya masih ada blok/blok-blok sementara yang belum disiapkan bagi sesuatu skim strata tersebut, maka nombor blok/blok-blok sementara asal bagi blok/blok-blok sementara berkenaan hendaklah dikekalkan kerana hakmilik strata sementara blok/blok-blok sementara berkenaan masih berkuatkuasa.
- 11.1.5 Tiap-tiap menara pada setiap bangunan hendaklah diperuntukkan dengan abjad mengikut siri “Menara A”, “Menara B”, “Menara C” dan seterusnya mengikut turutan Pelan Bangunan yang diluluskan.

11.2 Kaedah Menomborkan Tingkat.

11.2.1 Bagi Tingkat Atas Paras Tanah.

- (i) Tiap-tiap tingkat di atas paras bumi dalam sesuatu bangunan hendaklah diperuntukkan nombor mengikut siri bagi setiap bangunan bermula dengan tingkat paras bumi sebagai tingkat pertama.
- (ii) Tingkat paras bumi hendaklah ditentukan daripada pelan bangunan yang diluluskan.
- (iii) Jika tingkat paras bumi tidak dinyatakan dalam pelan bangunan yang diluluskan, tingkat yang mempunyai pintu utama hendaklah dianggap sebagai tingkat pertama, dengan syarat jika sesuatu bangunan itu mempunyai lebih dari satu tingkat yang mempunyai pintu utama, maka tingkat terbawah yang mempunyai pintu utama hendaklah dianggap sebagai tingkat pertama.

11.2.2 Bagi Tingkat Bawah Paras Tanah.

Tiap-tiap tingkat bawah tanah hendaklah diperuntukkan nombor mengikut siri dalam sesuatu bangunan dengan huruf awalan “**B**” bermula daripada tingkat di bawah tingkat pertama bangunan itu

dan seterusnya menghala ke bawah.

11.2.3 Bagi Tingkat Mezanin.

Tiap-tiap tingkat mezanin hendaklah diperuntukkan dengan nombor bagi tingkat di mana ianya terletak dengan huruf awalan “**N**”.

11.3 Kaedah Menomborkan Petak.

11.3.1 Petak Strata.

- (i) Hanya satu siri nombor petak sahaja digunakan bagi setiap satu skim strata.
- (ii) Setiap petak hendaklah diperuntukkan dengan satu nombor bersiri secara sistematik bermula daripada tingkat paling bawah.
- (iii) Nombor petak hendaklah mengikut susunan nombor bangunan.
- (iv) Nombor petak yang telah digunakan tidak boleh digunakan semula.
- (v) Bagi petak berbilang tingkat, nombor petak hendaklah mengikut petak yang berada di tingkat yang paling bawah.
- (vi) Penomboran petak bagi blok/blok-blok sementara yang telah disediakan hendaklah disambung daripada siri nombor petak terakhir pada skim asal.
- (vii) Penomboran petak bagi pecah bahagi atau penyatuan petak hendaklah disambung daripada siri nombor petak terakhir pada skim asal.

11.3.2 Petak Aksesori.

- (i) (a) Hanya satu siri nombor petak aksesori sahaja hendaklah digunakan bagi setiap skim strata.
- (b) Setiap petak aksesori hendaklah diperuntukkan satu nombor bersiri dengan huruf awalan “**A**” dan diikuti dengan nombor petak dalam kurungan bagi menunjukkan hubung kait petak aksesori dengan petak yang berkenaan.

- (c) Nombor petak aksesori yang telah digunakan tidak boleh digunakan semula.

- (ii) Pemberian nombor petak aksesori hendaklah dalam susunan yang berturutan seperti berikut –
 - (a) bermula dari petak-petak aksesori yang terletak di luar bangunan; dan
 - (b) diikuti dengan semua petak-petak aksesori yang berada di dalam bangunan, dalam susunan nombor bangunan yang berturutan bermula dari tingkat paling bawah seperti peraturan 11.3.1(ii).

- (iii) Petak Aksesori Berbilang Tingkat.
Pemberian nombor petak aksesori berbilang tingkat hendaklah seperti peraturan di para 11.3.1(v).

- (iv) Petak Aksesori Blok/Blok-blok Sementara Yang Telah Disiapkan.
Penomboran petak aksesori (jika ada) bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah disambung daripada siri nombor petak aksesori terakhir skim asal.

12. BUKU DAFTAR PETAK

- 12.1 Satu nombor siri sahaja hendaklah digunakan bagi setiap Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri untuk Buku Daftar Petak.

- 12.2 Contoh Buku Daftar Petak disertakan seperti di **Lampiran A13** untuk panduan bagaimana nombor-nombor petak diisikan ke dalamnya.

- 12.3 Semua petak hendaklah dimasukkan ke dalam Buku ini mengikut aturan Bangunan Utama (M1, M2, M3 dan seterusnya), Petak Aksesori dan seterusnya diikuti dengan Blok-Blok Sementara (P1, P2, P3 dan seterusnya).

- 12.4 Semua petak juga hendaklah dimasukkan ke dalam Buku ini secara berturutan dari satu tingkat ke satu tingkat, mulai dari tingkat satu ke atas dan

diikuti ke bawah sekiranya bangunan berkenaan mempunyai tingkat bawah tanah.

- 12.5 Muka surat yang mencukupi hendaklah dikosongkan bagi kegunaan masa depan untuk mengisikan nombor-nombor petak yang akan dikeluarkan bagi blok-blok sementara.
- 12.6 Keterangan kepada Buku Daftar Petak akan menerangkan cara mengisi tiap-tiap butir dalam Buku Daftar Petak. Keterangan ini dapat dilihat di **Lampiran A14**.
- 12.7 Ruang catatan dalam Buku Daftar Petak diisi dengan teliti menghubungkan antara petak asal dengan petak aksesori atau sebaliknya.
- 12.8 Setiap skim strata hendaklah diberi nombor bersiri oleh PUPN apabila permohonan pecah bahagi bangunan diluluskan oleh PTD/PTG.
- 12.9 Nombor skim strata ini hendaklah ditunjukkan dalam tajuk Pelan Akui.
- 12.10 Skim-skim pecah bahagi bangunan di bawah Kanun Tanah Negara yang telah diluluskan hendaklah juga dimasukkan ke dalam Buku Daftar Petak ini untuk melengkapkan rekod.
- 12.11 Nombor Skim Strata hendaklah dimasukkan sebagai rujukan kepada lot yang berkenaan dalam Buku Daftar Lot.

13. PENYEDIAAN PELAN STRATA

13.1 Pelan Lokasi.

13.1.1 Setiap pelan lokasi hendaklah mengandungi maklumat –

- (i) tajuk;
- (ii) pelan tapakbina;
- (iii) keratan tegak bangunan dan blok sementara;
- (iv) sijil akuan juruukur tanah untuk pelan lokasi; dan

- (v) petunjuk yang menyatakan jumlah bilangan petak dan agihan petak dalam setiap tingkat, dalam kes blok/blok-blok sementara.

13.1.2 Tajuk.

Tajuk pelan lokasi hendaklah mengandungi perkara-perkara dan mengikut susunan seperti berikut –

- (i) nama negeri atau wilayah persekutuan;
- (ii) nama daerah atau jajahan;
- (iii) nama bandar atau pekan atau mukim;
- (iv) nombor seksyen;
- (v) nombor lot bersama nombor pelan akui (PA);
- (vi) nombor hakmilik tanah; dan
- (vii) keluasan lot.

13.1.3 Pelan Tapakbina.

Pelan tapakbina hendaklah dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan maklumat –

- (i) tajuk, skala dan penunjuk utara;
- (ii) tanda-tanda sempadan dan sempadan lot tanpa bearing dan jarak;
- (iii) nombor lot;
- (iv) sempadan-sempadan lot bersebelahan, abutal, nombor-nombor lot bersebelahan dan jalan-jalan serta namanya;
- (v) hujung mendatar setiap bangunan dengan nombor-nombornya sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi dengan garisan hitam pekat;
- (vi) hujung mendatar setiap blok menara dengan garisan hitam petak bersama dengan abjad pengenalan dalam susunan yang betul dalam kes sesuatu bangunan yang mengandungi lebih daripada satu blok menara;
- (vii) (a) hujung mendatar setiap blok sementara dengan nombor-nombornya, sama ada di atas atau di bawah bumi, hendaklah ditunjukkan dengan garisan hitam

- putus-putus;
- (b) garisan keliling tapak blok sementara di permukaan bumi dengan garisan hitam malar dan sekiranya garisan keliling tapak tersebut bertemu dengan hujung mendatar blok sementara, maka garisan keliling tapak berkenaan tidak perlu ditunjukkan;
- (c) simbol paip sempadan tanpa pemerihaln untuk pepenjur garisan keliling tapak blok sementara;
- (viii) mana-mana cucur atap, kajang dan langkan yang bukan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang menganjur ke suatu rizab jalan ditunjukkan dengan garisan hitam putus-putus tanpa perlu berskala.

13.1.4 Sijil Akuan Juruukur Tanah Pada Pelan Tapakbina.

Format sijil akuan juruukur tanah pada pelan tapakbina hendaklah terdiri daripada salah satu seperti berikut :-

- (i) “Menurut Seksyen 9(1)(a)(i) dan 9(2)(a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan _____ dan blok sementara _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____ bandar/pekan/mukim _____, seksyen _____ dan daerah _____ ;

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

- (ii) “Menurut Seksyen 9(1)(a)(ii) dan 9(2)(a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan langkan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang mengunjur ke suatu rizab jalan, bangunan _____ dan blok sementara _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____ bandar/pekan/mukim _____, seksyen _____ dan daerah _____ .

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

(iii) “Menurut Seksyen 20(2)(ca)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____, bandar/pekan/mukim _____, seksyen _____ dan daerah _____; dan

“Menurut Seksyen 20(2)(cb) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan _____ adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara _____ yang ditunjukkan dalam PA(B) _____.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

(iv) “Menurut Seksyen 20(2)(ca)(ii) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan langkan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang mengunjur ke suatu rizab jalan, bangunan _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____ bandar/pekan/mukim _____, seksyen _____ dan daerah _____; dan

“Menurut Seksyen 20(2)(cb)(ii) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan langkan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan, bangunan _____ adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara _____ yang ditunjukkan dalam PA(B) _____

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

Format sijil akuan juruukur tanah di para (iii) dan (iv) adalah untuk pelan tapakbina bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan.

13.1.5 Keratan Tegak Bangunan Dan Blok Sementara.

Keratan tegak, biasanya diambil dari pandangan hadapan tiap-tiap

bangunan dan tiap-tiap blok sementara berdasarkan kepada pelan bangunan yang diluluskan atau pelan bangunan yang dilukis di bawah seksyen 10(6A)(a) AHS 1985, hendaklah dilukis pada skala yang sesuai dalam garisan hitam malar kecuali dalam kes blok sementara hendaklah dilukiskan dalam garisan hitam putus-putus serta menunjukkan –

- (i) Tajuk termasuk nombor bangunan dan nombor blok sementara dan skala;
- (ii) Tiap-tiap tingkat dalam bangunan dan nombor tingkat;
- (iii) Ketinggian tiap-tiap tingkat kepada 0.1 meter terhampir;
- (iv) Sijil Juruukur Tanah; dan
- (v) Apa-apa maklumat lain yang perlu.

13.1.6 Format sijil akuan juruukur tanah pada keratan tegak bangunan hendaklah terdiri daripada salah satu seperti berikut : -

- (i) “Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

- (ii) “Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan yang dilukis di bawah seksyen 10(6A)(a) Akta Hakmilik Strata 1985 dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

- (iii) Format sijil pada pelan keratan bangunan bagi blok/blok-blok

sementara yang telah disiapkan adalah sama seperti di atas.

13.2 Penyediaan Pelan Tingkat.

13.2.1 Tiap-tiap pelan tingkat hendaklah mengandungi –

- (i) tajuk;
- (ii) pelan lantai;
- (iii) sijil pelan tingkat;
- (iv) pelan petak aksesori di luar bangunan, jika perlu; dan
- (v) Jadual Strata seperti dalam peraturan 14.5, jika perlu.

13.2.2 Tajuk.

Tajuk pelan tingkat hendaklah mengandungi maklumat seperti ditetapkan dalam peraturan di para 13.1.2.

13.2.3 Pelan Lantai.

- (i) Pelan lantai hendaklah dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan –
 - (a) tiap-tiap petak dan tiap-tiap petak aksesori; dan
 - (b) harta bersama secara keseluruhan, di samping menunjukkan secara terperinci pencawang elektrik dan tiap-tiap harta bersama yang kegunaannya ada kaitan dengan aspek laluan, sama ada diwarnakan kuning atau sisinya digariskan kuning.
- (ii) Satu pelan lantai berdasarkan pelan bangunan yang diluluskan hendaklah dilukis bagi setiap tingkat.
- (iii) Pelan lantai hendaklah mengandungi –
 - (a) tajuk, nombor bangunan, abjad pengenalan menara, nombor tingkat, nombor petak, nombor petak aksesori dan skala;
 - (b) setiap sempadan petak dilukis dengan garisan hitam malar dengan hanya dimensi mendatar sahaja;
 - (c) setiap langkan yang bukan sebahagian petak dalam garisan hitam putus-putus dan pernyataan “langkan”;
 - (d) setiap nombor petak dan setiap nombor petak aksesori;

- (e) setiap keluasan petak dan petak aksesori ditunjukkan kepada meter persegi terhampir;
- (f) bahagian-bahagian keluasan bagi setiap petak berbilang tingkat dan petak aksesori berbilang tingkat hendaklah ditunjukkan dalam kurungan bersama dengan keluasan keseluruhannya;
- (g) setiap ruang harta bersama dan kegunaannya, selain daripada untuk laluan;
- (h) kawasan harta bersama secara keseluruhan, melainkan pencawang elektrik dan harta bersama berkaitan dengan aspek laluan yang mana kedudukan dan tiap-tiap kegunaannya ditunjukkan secara terperinci;
- (i) had bagi laluan kaki lima dan setiap ruang di bawah mana-mana tangga yang menjadi sebahagian petak atau petak aksesori, ditunjukkan dengan garisan hitam putus-putus;
- (j) abutal-abutal dan nombor-nombor petak bersebelahan, beserta dengan nombor folio sekiranya kesemua lantainya tidak boleh ditunjukkan dalam satu folio;
- (k) penunjuk utara; dan
- (l) apa-apa maklumat lain (jika perlu).

13.2.4 Sijil Akuan Juruukur Tanah Pada Pelan Tingkat.

Format sijil akuan juruukur tanah pada pelan tingkat hendaklah terdiri daripada salah satu seperti berikut : -

- (i) “Menurut seksyen 10(1)(b) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui :-
 - (i) bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan pelan ini adalah menepati pelan tersebut; dan
 - (ii) bahawa tiap-tiap sempadan bagi tiap-tiap petak sebagaimana ditunjukkan di atas pelan ini mengikut ciri-ciri binaan kekal yang terdapat dalam bangunan tersebut.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

(ii) “Menurut seksyen 10(1)(b) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui :-

- (i) bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang dilukis di bawah seksyen 10(6A)(a) Akta Hakmilik Strata 1985 dan pelan ini adalah menepati pelan bangunan tersebut; dan
- (ii) bahawa tiap-tiap sempadan bagi tiap-tiap petak sebagaimana ditunjukkan di atas pelan ini mengikut ciri-ciri binaan kekal yang terdapat dalam bangunan tersebut.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

(iii) Format sijil akuan juruukur tanah pada pelan tingkat bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan adalah sama seperti di atas.

13.2.5 Pelan Petak Aksesori Di Luar Bangunan.

Pelan untuk petak aksesori di luar bangunan hendaklah mengandungi –

- (i) maklumat seperti di para 13.2.3 (iii);
- (ii) sambungan yang mencukupi dalam garisan hitam putus-putus sama ada dengan bearing atau tidak bagi mengaitkan setiap aksesori kepada bangunan; dan
- (iii) sijil seperti di para 13.2.4.

13.3 Penentuan Keluasan Lantai.

Keluasan lantai mana-mana petak dan petak aksesori hendaklah ditentukan dengan kaedah penskalaan dan ditunjukkan kepada meter persegi terhampir.

14. PELAN AKUI STRATA

14.1 Am.

14.1.1 Pelan akui strata (PA strata) hendaklah disediakan bagi setiap pecah bahagi bangunan, pecah bahagi petak dan penyatuan petak-petak.

- 14.1.2 Jika PA strata telah disediakan untuk pecah bahagi atau penyatuan petak, nombor PA strata yang baru hendaklah dicatatkan dengan warna merah dalam petak asal pada PA strata asal yang mengandungi lantai yang serupa, maka nota penjelasan hendaklah dibuat seperti berikut :

“Nota –

Petak _____ dalam Tingkat No. _____
dipecahkan / disatukan dalam Pelan Akui Strata _____”

Nota ini hendaklah dicatatkan di atas PA strata yang asal.

- 14.1.3 Format PA strata hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 14.1.4 Nombor PA strata hendaklah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 14.1.5 Suatu nombor dengan huruf awalan “**PA(B)**” hendaklah digunakan untuk PA strata.

14.2 Keperluan Asas Untuk Penyediaan PA Strata.

- 14.2.1 Untuk penyediaan PA strata, satu salinan pelan lokasi dan tingkat hendaklah diperolehi daripada PTG atau PTD.
- 14.2.2 Semua dokumen seperti di para 14.2.1 hendaklah disimpan oleh PUPN.

14.3 Kerjalar Tambahan.

Kerjalar tambahan bolehlah dijalankan sekiranya pelan lokasi dan pelan tingkat telah dipinda.

14.4 Penyediaan PA Strata.

- 14.4.1 Setiap PA strata hendaklah dilukis dengan skala yang sesuai dan hendaklah mengandungi –

- (i) pelan tapakbina;
- (ii) keratan tegak setiap bangunan dan setiap blok sementara, jika sekiranya ada beberapa PA strata disediakan bagi bangunan yang sama (contoh bangunan M3) maka adalah mencukupi keratan tegak ini ditunjukkan pada PA strata yang pertama bagi folio bangunan berkenaan (bangunan M3);
- (iii) pelan lantai;
- (iv) Jadual Strata (jika berkenaan);
- (v) sijil JTB seperti format di bawah (jika kerja dikendalikan JTB); dan

“Saya _____ seorang Juruukur Tanah Berlesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) memperakui bahawa pengukuran dari mana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada _____ haribulan _____ 20 _____.

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

 Juruukur Tanah Yang Dilesen Di Bawah Akta 458”

- (vi) apa-apa maklumat lain yang perlu.

14.4.2 Pelan Tapakbina.

Pelan tapakbina hendaklah dilukis dengan skala yang sesuai dan hendaklah menunjukkan –

- (i) tajuk seperti di para 13.1.2;
- (ii) skala, penunjuk utara dan nombor skim strata yang diuntukkan oleh PUPN;
- (iii) maklumat seperti di para 13.1.3(ii) hingga 13.1.3.(viii) dan 13.1.4; dan
- (iv) nombor PA strata dan nombor bangunan yang berkaitan di mana skim strata berkenaan mengandungi lebih daripada satu bangunan.

14.4.3 Keratan Tegak Bangunan Dan Blok Sementara.

Keratan tegak tiap-tiap bangunan dan tiap-tiap blok sementara hendaklah menunjukkan seperti di para 13.1.5.

14.4.4 Pelan Lantai.

- (i) Pelan lantai hendaklah dilukis dengan skala yang sesuai dan hendaklah menunjukkan sempadan setiap petak dan petak aksesori dalam tingkat itu dengan dimensi mendatar tanpa perlu menunjukkan bearing.
- (ii) Pelan lantai hendaklah dilukis bagi setiap tingkat.
- (iii) Hubung kait setiap petak atau petak bertingkat-tingkat dengan petak aksesori beserta nombor PA strata masing-masing (jika ada) dan jumlah unit syer bagi petak atau petak bertingkat-tingkat tersebut hendaklah ditunjukkan di dalam Jadual yang disediakan. Jika didapati ruang di atas pelan tidak dapat memuatkan keseluruhan jadual, maka ianya bolehlah ditunjukkan di dalam beberapa folio.
- (iv) Maklumat bagi setiap blok sementara yang terdiri daripada bilangan tingkat, bilangan petak dan jumlah unit syer baginya hendaklah ditunjukkan pada jadual.

14.4.5 Maklumat-maklumat Lain Atas PA Strata.

PA strata hendaklah menunjukkan –

- (i) nombor PA strata;
- (ii) nombor buku kerjalar;
- (iii) nombor fail ukur;
- (iv) nombor fail Pejabat Pentadbir Tanah Daerah;
- (v) nombor fail Pejabat Pengarah Tanah dan Galian;
- (vi) nombor lembar piawai;
- (vii) “Diukur oleh” dan nama pengukur (kecuali PA strata yang disediakan oleh JTB);
- (viii) “Siap pada” dan tarikh (kecuali PA strata yang disediakan oleh JTB);

- (ix) “Disediakan oleh” dan nama pemproses (kecuali bagi PA strata yang disediakan oleh JTB);
- (x) “Diperiksa oleh” dan nama pemeriksa (kecuali PA strata yang disediakan oleh JTB); dan
- (xi) “Diluluskan oleh” dan nama PUPN.

14.5 Jadual Strata Dalam Pelan Akui Strata.

Jadual Strata ini disediakan apabila memerlukan lebih daripada satu folio PA strata. Jadual ini hendaklah memaparkan hubungkait maklumat-maklumat penuh skim strata berkenaan seperti maklumat tingkat, petak, nombor PA strata, petak aksesori dan unit syer.

GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN UKURAN PECAH BAHAGI BANGUNAN**1. KERJALUAR**

1.1 Mengukur Semula Sempadan Lot.

- (i) Sempadan lot hendaklah diukur semula mengikut peraturan Jabatan.
- (ii) Bagi tanda sempadan yang berganjak atau hilang hendaklah dibuat tanam pastian atau diganti.
- (iii) Pelan Akui yang baru hendaklah dilukis (jika perlu).
- (iv) Data berdigit bagi ukuran hendaklah dikemukakan mengikut format dan media yang ditetapkan oleh Jabatan.

1.2 Ukuran Bagi Menentukan Kedudukan Bangunan Dan Blok-blok Sementara.

- (i) Kedudukan setiap bangunan termasuk cucur atap, kajang dan langkan hendaklah diukur dan ditunjukkan dalam buku kerjalar.
